

ديوان مشاركة Dewan Masyarakat

Mendidik Politik Matang dalam Komuniti

Sosiobudaya • Politik • Ekonomi

Suara dan Aspirasi Belia India di Malaysia

Surat kepada Presiden



AGENDA MERAPATKAN JURANG PENDIDIKAN NEGARA


YB Datuk Mohamad Haji Alamin
Timbalan Menteri Pendidikan II



KK 001-90260-1122
ISSN 0419-0386



Jilid 60 • Semenanjung Malaysia RM5.50 • Sabah/Sarawak RM6.00 • Brunei Darussalam B\$5.50 • Singapura S\$5.50



MENDIDIK POLITIK MATANG DALAM KOMUNITI


Islam dan politik tidak boleh dipisahkan kerana politik adalah sebahagian daripada ajaran Islam yang syumul. Mereka yang menolak politik dalam Islam seolah-olah menolak satu bahagian penting dalam ajaran Islam. *Kamus Dewan* mendefinisikan politik sebagai ilmu pengetahuan berkenaan cara pemerintahan, ilmu siyasa dan ilmu kenegaraan.

Perkataan politik berasal daripada kata akar dari bahasa Greek, yang bererti negara, kota dan kemajuan. Dalam bahasa Arab, politik dikenali sebagai siasah yang bermaksud cara mengurus tadbir dan memerintah mengikut syariat Islam. Berdasarkan disiplin ilmu Islam, perbahasan politik dibincangkan di bawah fiqh dan bukan perbahasan akidah. Oleh itu, anggapan yang menyatakan bahawa Islam merupakan agama yang tidak mempunyai kaitan dengan politik dan negara merupakan sesuatu yang meleset sama sekali.

Politik tidak boleh dipisahkan dengan kepimpinan. Pemimpin tidak akan wujud tanpa pengikut. Walau bagaimanapun, kefahaman tentang kepimpinan jauh lebih penting daripada kepengikutan kerana pemimpin yang mencorakkan pengikut. Menurut perspektif Islam, kepimpinan adalah sesuatu yang wajib. Sabda Baginda Nabi SAW yang bermaksud: "Tidak harus bagi tiga orang yang berada di tengah-tengah bumi yang lapang (bermusafir), melainkan mereka mesti melantik seorang daripada mereka sebagai pemimpin." (Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Menurut Ibn Taimiyah, jika diwajibkan memilih seseorang itu sebagai pemimpin dalam jemaah yang paling sedikit (tiga orang), maka hal ini menunjukkan kepentingan akan kewajipan melantik pemimpin bagi kumpulan yang lebih ramai. Pandangan ini dikukuhkan lagi apabila Ibn Khaldun menyatakan bahawa melantik pemimpin adalah wajib dan kewajipan tersebut dapat diketahui dalam syarak dengan ijmak para sahabat dan tabiin kerana sahabat Rasulullah SAW bersegera memberikan taat setia kepada Abu Bakar RA dan menyerahkan kepadanya urusan mereka sejurus wafatnya baginda. Kewajipan melantik pemimpin juga dibuktikan dengan satu kaedah syarak, iaitu perkara yang tidak akan sempurna suatu kewajipan melainkan dengannya, maka pelantikan pemimpin adalah wajib.

Kepimpinan dilihat daripada pelbagai tahap, seperti kepimpinan rumah tangga hinggalah kepimpinan pada peringkat negara. Dalam konteks negeri dan negara, pemimpin dipilih melalui sistem pilihan raya. Pemimpin tertinggi pada peringkat negeri ialah Menteri Besar atau



Ketua Menteri, manakala pemimpin tertinggi pada peringkat negara pula ialah Perdana Menteri. Pimpinan pada peringkat komuniti pula merujuk ketua kampung, tok imam, kepimpinan belia dan beliawanis. Jika pemimpin tersebut amanah, cekap dan berkesan, maka nikmatnya akan dirasakan oleh pengikut atau rakyat secara keseluruhannya.

Memilih pemimpin yang tepat itu sangat penting. Lagi besar tahap kepimpinan tersebut, lagi besar kesan dan akibatnya kepada rakyat jelata. Jika tersalah pilih, komuniti dan rakyat akan merana di sepanjang tempoh pelantikan tersebut. Rakyat dan komuniti mesti cerdik berpolitik. Dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, rakyat yang bertakwa, celik politik dan bijak membuat keputusan amat diperlukan untuk memilih pemimpin yang tepat.

Maka demikian, hanya rakyat yang berilmu dan celik politik berupaya untuk memilih pemimpin yang baik. Pada masa ini, makna baik dan buruk sudah bercampur aduk dan mengelirukan. Sering kali orang yang amanah dianggap sebagai tidak cerdik. Orang yang khianat pula disanjung dan

digelar sebagai bijak mengambil peluang. Sesetengah pemimpin yang korup dijulung sebagai pejuang, manakala pemimpin yang mendedahkan penyelewengan pula dianggap sebagai pengkhianat negara. Apakah kriteria atau ciri-ciri utama yang membentuk pemimpin yang baik?


Dalam Siyasa Syar'iyah (politik Islam), terdapat dua asas penting yang perlu diberikan perhatian dalam pemilihan pemimpin, iaitu al-Quwwah (kemampuan) dan al-Amanah (amanah). Dua ciri yang dinyatakan secara jelas dalam al-Quran ini bermaksud: "Sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja ialah yang kuat amanah" (*Surah al-Qasas* 28: 26).

Menurut Ibn Taimiyyah, al-Quwwah dinilai berdasarkan situasi dan keadaan. Sebagai contoh, dalam situasi peperangan, al-Quwwah merujuk keberanian hati, pengalaman dan kemampuan untuk menghadapi perbagai jenis peperangan, manakala amanah pula merujuk perasaan takut akan Allah, tidak menjual ayat Allah dengan harga yang murah dan tidak menakutkan manusia. Kedua-duanya perlu dipenuhi untuk menjadi pemimpin yang baik.

Krisis kepimpinan masyarakat Islam pada hari ini berpunca daripada sikap pihak tertentu yang hanya menumpukan aspek al-Quwwah, tetapi mengabaikan aspek amanah dan demikian juga sebaliknya. Berdasarkan prinsip tersebut, Rasulullah SAW tidak memberikan jawatan kepada sahabat yang tidak berkemampuan, seperti Abu Zar sekalipun dia seorang yang terkenal dengan kebaikan dan soleh.


Dalam konteks negara ini yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, komuniti sentiasa menghadapi dilema untuk memilih pemimpin terbaik dari dua aspek berikut, iaitu berdasarkan parti politik yang diyakini dan juga kualiti individu yang dipilih oleh parti. Antara kriteria pemilihan kepimpinan berdasarkan parti ialah perlembagaan dan hala tuju parti, dasar dan idealisme parti serta tawaran manifesto pilihan raya, manakala kriteria pemilihan berdasarkan kualiti individu calon pula ialah kebolehan memimpin dan mengurus, keilmuan dan pengalaman, kecekapan membuat keputusan, berjiwa besar dan memandang jauh ke hadapan (futuristik), ketinggian akhlak dan amanah. Isu yang sering timbul dikatakan demikian kerana dua kriteria tersebut tidak dipenuhi secara serentak dalam satu pakej. Ada ketikanya, parti yang diyakini mencalonkan individu yang tidak menepati kriteria yang dikehendaki atau sebaliknya, iaitu calon yang dianggap baik dan sesuai, tetapi berada dalam parti yang tidak diyakini.

Di sinilah cabaran yang dihadapi oleh komuniti dalam usaha untuk memilih calon kepimpinan yang menepati



Rakyat yang berilmu dan celik politik berupaya untuk memilih pemimpin yang baik.

kriteria terbaik berdasarkan realiti dan perkembangan politik semasa. Keputusan yang dibuat tidak mudah dan memerlukan renungan dan pemikiran yang teliti lagi jujur. Jika memilih pemimpin adalah wajib, maka proses membuat keputusan yang betul juga adalah wajib. Usaha tersebut memerlukan kesungguhan dan boleh dianggap sebagai proses ijhtihad peribadi dalam suasana perkembangan politik negara yang kompleks, komuniti perlu dibantu dalam bentuk panduan praktikal bagi memilih pemimpin yang baik lagi tepat. Apakah dan bagaimanakah formula atau kayu pengukur untuk menilai calon pemimpin, parti politik yang disertai mahupun gandingan politik pada PRU akan datang? Formula yang bakal digunakan mestilah mematuhi prinsip agama, bersifat objektif dan rasional; bukan berasaskan sentimen yang mengelirukan.



Pemimpin bukan hanya memegang jawatan, sebaliknya memikul amanah dan tanggungjawab yang besar pada negara.

Bagi memilih pemimpin yang tepat, penulis mencadangkan agar kualiti calon diutamakan berbanding dengan parti yang diwakili. Parti sememangnya penting, namun kualiti calon lebih utama untuk diperhalusi. Strategi ini akan menjadikan setiap parti akan memilih hanya calon yang benar-benar berkualiti dan mempunyai trek rekod yang cemerlang bagi mewakili partinya. Ciri kualiti yang perlu diperhatikan adalah berdasarkan keutamaan berikut:

- Kualiti al-Quwwah dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh pemimpin:
1. Beriman kepada Allah.
 2. Berkeupayaan memimpin dan mengurus dengan cekap.
 3. Berpengetahuan, mempunyai idealisme yang jelas dan berpengalaman luas.

4. Memiliki daya pemikiran yang proaktif dan bersifat penyelesaian masalah.
 5. Mempunyai trek rekod kecemerlangan dalam berorganisasi.
- Kualiti al-Amanah dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh pemimpin:
1. Jujur dan amanah.
 2. Dikenali dengan berpegang teguh pada prinsip.
 3. Mengamalkan ajaran Islam dengan baik.
 4. Sentiasa mengutamakan rakyat.
 5. Adil dengan semua pihak.

Di samping itu, kualiti parti yang diwakili juga penting untuk dinilai berdasarkan aspek berikut:

1. Dasar dan hala tuju parti.
2. Manifesto parti dalam pilihan raya.
3. Rekod pencapaian parti dari segi penggubalan dasar dan keberkesanan pelaksanaannya.

Jika dibuat pembahagian berdasarkan nisbah, cadangan pemberat bagi setiap komponen ialah kekuatan peribadi calon (60%); al-Quwwah (30%) dan al-Amanah (30%), kekuatan parti (35%) dan pertimbangan, selainnya seperti kecenderungan hati atau keistimewaan calon (5%). Untuk golongan muda, mereka boleh menilai calon pemimpin dengan meneliti kualiti kandungan media sosial calon dengan menilai statusnya, reaksi netizen dan komen terpilih. Mereka boleh mengumpulkan kandungan yang dimuat naik oleh calon dalam tempoh tertentu, hubungan kandungan dengan perkhidmatan, perbincangan dalam dewan perundangan; lontaran pandangan terhadap isu awam dan sebagainya. Selain itu, mereka juga boleh memerhatikan sikap calon terhadap berita palsu, fitnah,

hasutan kebencian, kenyataan berunsur diskriminasi dan seumpamanya. Dengan cara ini, pemilihan calon kepimpinan akan menjadi lebih objektif, rasional, penuh sedar dan bertanggungjawab. Nisbah atau pemberat bagi setiap komponen tidaklah bersifat mutlak dan luwes. Ironinya, perkara yang lebih penting adalah membuat pemilihan tersebut melalui proses yang betul dan adil.

Sehubungan dengan itu, insan yang bertakwa dan celik politik juga sangat diperlukan untuk mengubah negara ke arah yang lebih baik. Warga komuniti memerlukan satu panduan yang boleh dipertanggungjawabkan untuk membimbing mereka memilih pemimpin yang tepat. Banyak panduan diberikan mengenai kaedah dan cara memilih pemimpin yang tepat. Namun begitu, kebanyakannya bersifat umum dan sukar untuk diaplikasikan dalam mendepani realiti politik semasa yang kompleks. Rakyat adalah cerminan pemimpin dan demikian juga sebaliknya. Hal ini bertepatan dengan kata-kata Saidina Umar: "Manusia adalah berdasarkan agama (cara hidup) pemimpinnya". Sebagai contoh, rakyat semasa zaman Umar bin Abdul Aziz begitu taat dan kuat mengerjakan qiamullail. Hal ini dikatakan demikian kerana kesan daripada beliau sendiri yang cintakan amalan qiamullail. Hari ini, pemimpin yang amanah sangat sukar dicari kerana rakyat juga terikut-ikut dengan tabiat pemimpin yang tidak takut atau segan melakukan pengkhianatan.

Bahkan, pada masa kini kita dihadapkan dengan realiti bahawa semua ahli politik dan parti politik memiliki kepentingan masing-masing. Oleh itu, usaha untuk mendidik dan mencerdikkan komuniti tentang politik perlu diperhebat. Komuniti perlu diingatkan bahawa mereka mampu dan bertanggungjawab untuk membuat pertimbangan yang objektif, rasional dan matang dalam menilai kelebihan dan kelemahan setiap calon yang dikemukakan oleh parti politik. Komuniti berhak memilih yang terbaik kerana wajah rakyat adalah berdasarkan penampilan wajah wakil pemimpinnya. Akhir kata, pilihlah pemimpin dengan ilmu dan hati nurani terdalam dengan penuh tanggungjawab dan yakinlah usaha tersebut memperoleh pahala serta diredai Tuhan. □